

30 JAN 2001

Bahrain-Contoh

BAHRAIN MAHU CONTOHI PENGALAMAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Bahrain mahu mencontohi pengalaman Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang berjaya membangunkan ekonominya, kata Menteri Luar Bahrain Shaikh Mohammed bin Mubarak Al-Khalifa.

"Malaysia merupakan contoh terbaik tentang bagaimana negara membangun telah memajukan dan mencapai matlamat ekonomi serta mempelbagaikan ekonominya," kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada Bernama selepas menemui kira-kira 15 duta dan diplomat Arab yang berpusat di Malaysia di Hotel Palace of Golden Horses di sini hari ini.

Menurut beliau, Bahrain kagum dengan cara Malaysia mempelbagaikan ekonominya.

Beliau berkata Bahrain dan Malaysia mempunyai pendirian yang sama terhadap kebanyakan isu bukan sahaja isu membabitkan kedua-dua negara tetapi juga isu menyentuh negara Islam secara keseluruhan.

Beliau berkata perhatian utama diberikan oleh kedua-dua negara bagi memperkukuhkan lagi hubungan dan kersama dua hala.

Shaikh Mohammed berkata Bahrain menghargai pendirian Malaysia mengenai isu-isu yang menyentuh dunia Arab dan Asia Barat.

"Malaysia sentiasa berada di barisan depan menyokong penyelesaian damai terhadap isu Asia Barat, hak rakyat Palestin dan kedudukan Baitulmaqdis sebagai ibu negara Palestin yang merdeka," kata beliau.

Mengenai hasil pertemuan dengan para duta itu, Shaikh Mohammed berkata mereka memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas kepimpinan cemerlangnya bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di arena antarabangsa.

Beliau juga memberi taklimat kepada para duta itu mengenai lawatan Perdana Menteri Bahrain ke Malaysia.

Ketika ditanya sama ada isu Iraq dibincangkan, beliau berkata: "Bahrain sebagai pengerusi Majlis Kerjasama Teluk percaya bahawa mereka harus berusaha meringankan penderitaan rakyat Iraq."

Shaikh Mohammed berada di sini sebagai anggota delegasi yang mengiringi Perdana Menteri Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa yang tiba di sini pada Isnin untuk lawatan kerja selama tiga hari.

-- BERNAMA

RIZ RV FAZ